

**KENYATAAN TAWARAN
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG**

**TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI DI
BAWAH PENTADBIRAN JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG**

Tender ini adalah dipelawa untuk pembekal-pembekal Bumiputera di dalam Negeri Pahang sahaja (diutamakan kepada kontraktor tempatan) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah dan berkuatkuasa.

TAKLIMAT DAN PEMBELIAN DOKUMEN TENDER ADALAH SEPERTI BERIKUT :

Tarikh : 30 April 2026 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi

**Tempat : Dewan Ibnu Sina, Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah,
26600 Pekan, Pahang**

Bil	Kod Tender	Nama Sekolah	Bilangan Penghuni Asrama	Harga Indikatif Jabatan (RM)
1.	JAIP/SMAM/01/2026	Sekolah Menengah Agama Maran	300 orang	3,864,000.00

1. Syarat Kelayakan Tender adalah seperti berikut:

- i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan tempoh pendaftaran masih sah (Kategori : 040103)
- ii. Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) yang masih sah.
- iii. Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan
- iv. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status : Patuh); dan
- v. Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh (3% daripada nilai kontrak mengikut anggaran jabatan)

2. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah menyerahkan **Bank Draf Sahaja** bernilai **RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)** atas nama **Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang** bagi pembelian setiap dokumen tender yang dipohon. Tunai, Cek Persendirian dan Wang Pos **tidak diterima**.

3. Petender hendaklah menyediakan **cop syarikat** dan mengemukakan SIJIL ASAL (untuk pengesahan) dan SALINAN FOTOSTAT(tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut yang masih sah tempohnya:-

- a. Salinan Kad Pengenalan Penama
- b. Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- c. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan/Sijil Virtual yang lengkap menyatakan kod Bidang berkaitan; dan
- d. Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan.

4. Setiap petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti butiran di atas. Hanya penama dalam pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan hadir ke sesi taklimat. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat. Hanya petender yang menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli satu dokumen tender bagi satu tawaran. **Lawatan tapak adalah DIGALAKKAN**.

5. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul surat yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul. Kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar serta beralamat sepertimana yang dinyatakan di bawah. Tawaran Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti berikut:

**Peti Tender
Lobi Bangunan Baru, Dewan Seminar,
Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, 26600 Pekan,
Pahang.**

Tarikh tutup : **21 Mei 2026 (Khamis), jam 12.00 tengahari**

Iklan Tender ini boleh dirujuk di Laman Web Jabatan Agama Islam Pahang di alamat <http://jaip.pahang.gov.my> dan di Laman *Facebook* Rasmi Jabatan Agama Islam Pahang.